

12/04/2003

Umno sedia bincang perpaduan dengan Pas

Rokaid Chik

PASIR MAS: Umno sedia bekerjasama dan membentuk persefahaman dengan parti

politik Melayu, termasuk Pas, demi kepentingan umat Islam di negara ini, kata Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata, sudah tiba masanya pemimpin dan ahli parti berkenaan memikirkan perpaduan umat Islam secara serius selaras seruan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya kedua-dua pihak mengadakan pertemuan bagi membincangkan soal perpaduan.

Katanya, pertemuan Umno dan Pas memang sudah lama dibincang, malangnya kerana masalah tertentu ia belum menjadi kenyataan.

"Perkara ini memang sentiasa disebut dan pemimpin Pas juga pernah melaungkan perpaduan.

"Terseher kepada mereka (Pas) sama ada bersedia mengadakan perbincangan

bagi mencari kata sepakat atau tidak, kerana situasi sekarang amat memerlukan demi keselamatan umat Islam secara global, bukan terbatas puak

tertentu saja.

"Kita berharap Pas berpegang kepada prinsip Islam sejati yang mengutamakan perpaduan umat, kerjasama dan persefahaman, apa lagi dalam situasi agak kritikal di mana dunia bergolak begitu hebat sekarang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat Perwakilan Umno bahagian Rantau Panjang, di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Meranti, dekat sini, petang semalam.

Turut hadir Ketua Umno bahagian berkenaan, Mohd Zain Ismail; Ketua Wanita, Pauziah Che Wook dan Ketua Pemudanya, Datuk Shaari Mat Husain.

Muhyiddin yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, berkata perbincangan itu boleh menjadi kenyataan jika pemimpin Pas ikhlas mahu melihat perpaduan dan kekuatan umat Islam di negara ini tercapai.

"Saya fikir sekiranya ada kesungguhan, perbincangan ini akan berjaya kerana kita boleh mengambil contoh usul dibawa Dr Mahathir berhubung pendirian Malaysia dalam peperangan di Iraq yang disokong semua parti termasuk Pas," katanya.

Ditanya dakwaan sesetengah pemimpin Pas kononnya Umno mengambil kesempatan politik dalam isu peperangan di Iraq, beliau berkata, Umno tidak pernah bersandiwara.

Katanya, kejadian menimpa Iraq bukan soal Umno, tetapi mengenai nasib rakyat dan negara itu.

"Ini (isu Iraq) bukan soal siapa untung atau rugi dan Umno bukan mahu mengeksploitnya, tetapi tanggungjawab sebagai kerajaan dan parti memerintah hendak mengingatkan apa yang berlaku di Iraq boleh berlaku di sini (Malaysia) sekiranya rakyat tidak bersatu," katanya.